

# CEMERLANG SUKAN, AKADEMIK

→ Semakin ramai atlet buktikan kejayaan dalam kedua-dua bidang

---

Oleh Nor Azma Laila

[norazma@bh.com.my](mailto:norazma@bh.com.my)

---

## ■ Serdang

---

**P**ersepsi umum bahawa pembabitan aktif dalam sukan akan menjelaskan pencapaian akademik mahasiswa, tidak lagi relevan berikutan semakin ramai atlet mencatat kejayaan membanggakan dalam pengajian walaupun sibuk menyertai pertandingan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Komitmen memburu pingat di arena sukan masing-masing tidak menghalang kesungguhan golongan itu memastikan fokus seimbang terhadap kepentingan pendidikan, malah ada yang melanjutkan pelajaran ke tahap pascasiswazah.

Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria, berkata justeru negara perlu terus berusaha melahirkan atlet yang cemerlang dalam kedua-dua bidang sukan dan akademik. **V2**



Prof Aini (depan, empat dari kanan) bergambar dengan tetamu selepas menandatangani plak penghargaan untuk pelajar UPM yang menyertai Sukan Olimpik Rio 2016.

# Sistem akademik fleksibel untuk atlet

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

## Serdang

**U**niversiti Putra Malaysia (UPM) mempunyai tradisi yang panjang dalam menyokong atlet merealisasikan impian melanjutkan pelajaran, malah pelaksanaan sistem akademik di universiti itu mengambil kira cabaran pengurusan masa dihadapi golongan itu.

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata universiti itu peka kepada tuntutan jadual waktu padat atlet untuk

menjalani latihan intensif dan pada masa sama perlu menghadiri kuliah serta melengkapkan kerja kursus.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, sistem akademik UPM menyediakan fleksibiliti bilangan kredit diambil bagi satu semester berdasarkan kemampuan seseorang atlet itu berbanding pelajar biasa yang perlu mengambil 12 jam kredit setiap semester.

"Sistem Pengurusan Pembelajaran Putra (Putra LMS) pula membolehkan atlet yang berada di luar negara kerana menjalani latihan atau menyertai pertandingan, mendapatkan bahan kuliah secara dalam talian," katanya.

## Asrama khas

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Forum Akademi Sukan UPM: Ke Arah Keseimbangan Ideal Sukan dan Akademik di sini, baru-baru ini.

Bagi atlet yang mengikuti pengajian di universiti itu, Prof Aini berkata, UPM turut menyediakan asrama khas dikenali sebagai Blok MSN dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan.

"Kita cuba menyediakan keadaan dan kemudahan terbaik untuk atlet, selain mengadakan perbincangan serta memberi kesedaran kepada pensyarah supaya ambil maklum mengenai situasi atlet yang perlu menyertai

sesi latihan dan kejohanan di dalam dan luar negara.

"Atlet juga diberikan masa khusus berjumpa dengan pensyarah bagi membincangkan pengajian yang tertinggal kerana menyertai latihan dan pertandingan," katanya.

## Adakan perbincangan

Sementara itu mahasiswa UPM yang juga atlet menembak negara pada Sukan Olimpik Rio 2016, Jonathan Wong, berkata bagi memastikan sukan dan akademik berjalan seiring, beliau sering mengadakan perbincangan dengan pensyarah sekiranya tertinggal sesi kuliah kerana menyertai latihan atau pertandingan.

"Apabila cuti semester, saya akan menggunakan masa itu untuk memberi tumpuan kepada sukan. Pembabitan dalam Sukan Olimpik Rio 2016 juga berlangsung ketika cuti semester, justeru tidak mengganggu pengajian dan memberi peluang untuk saya memfokus kepada pertandingan.

"Tidak dinafikan, pengurusan masa yang bijak dan disiplin adalah kunci utama untuk seseorang atlet mendapat keseimbangan ideal dalam sukan dan akademik, selain sokongan pensyarah dan pihak universiti," katanya yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Aeroangkasa di UPM.

# Bijak bahagikan masa untuk aktiviti sukan, akademik

## Dari V1

"Ada atlet yang berjaya dalam sukan tetapi apabila bersara, tidak dapat meneruskan kecemerlangan itu dalam bidang kerjaya lain."

"Oleh itu, saya berpendapat bahawa atlet yang mempunyai kelulusan baik dalam akademik akan lebih berjaya kerana boleh menggunakan kelayakan berkenaan untuk mencapai kerjaya lain apabila bersara nanti."

"Tambahan pula, teknologi sedia ada kini banyak membantu atlet untuk cemerlang dalam kedua-dua bidang itu, selain sokongan daripada

pihak universiti, pensyarah, persatuan sukan dan ibu bapa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Forum Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM): Ke Arah Keseimbangan Ideal Sukan dan Akademik di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Sementara itu Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Datuk Zaiton Othman, berkata persatuan sukan dan ibu bapa boleh memainkan peranan memberi sokongan serta semangat kepada atlet untuk terus cemerlang dalam sukan dan akademik.

## Buat kesilapan

"Ketika di bangku sekolah, saya juga pernah membuat kesilapan apabila terlalu fokus kepada bidang sukan sehingga mengabaikan akademik."

"Namun apabila memasuki universiti, saya menggunakan peluang itu sebaik mungkin untuk cemerlang dalam kedua-dua bidang dengan bantuan pensyarah dan pihak universiti."

"Pelajar perlu bijak membahagikan masa untuk aktiviti sukan dan akademik bagi memastikan kedua-dua bidang itu berjalan seiring kerana pembabitan dalam sukan dapat membantu mereka menjadi lebih berdisiplin

serta berjaya dalam kehidupan," katanya selaku antara ahli panel pada forum itu.

Seorang lagi ahli panel yang juga Ketua kontingen negara ke Sukan SEA 2017, Datuk Marina Chin, pula berkata bidang akademik sama penting dengan sukan, justeru ibu bapa, pengurusan universiti dan persatuan sukan perlu membantu atlet mencatat prestasi cemerlang dalam kedua-dua bidang itu.

## Beri kelebihan

"Selaku individu yang pernah bertanggungjawab sebagai Pengetua di Sekolah Sukan Bukit Jalil, saya sering menekankan kepentingan aspek akademik kepada pelajar supaya mereka

menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik."

"Selain itu, saya mengadakan perbincangan dengan ibu bapa dan pengurusan sekolah supaya perancangan awal dibuat bagi mengelakkan pelajar ketinggalan terlalu banyak dalam akademik kerana perlu menyertai sesi latihan dan kejohanan."

"Tidak dinafikan, ada pelajar terpaksa menduduki peperiksaan pada tahun berikut dan mahasiswa menamatkan pengajian sedikit lambat berbanding rakan mereka yang graduat dalam tempoh ditetapkan tetapi saya percaya pengalaman diperoleh itu akan memberi kelebihan dalam aspek kepemimpinan," katanya.